

Retail Buzz

Isu ke-3

Suku 3 2016



Kita mencapai satu lagi pencapaian penting bagi Customer First, Suku ke-2 (April - Jun) apabila kita melangkau sasaran dan mencatat keputusan 90.6%. Dengan berakhirnya program Insentif KFC pada bulan Mac, semua orang tertanya-tanya bagaimana untuk mengekalkan motivasi untuk kakitangan stesen supaya memberikan perkhidmatan yang konsisten. Disebalik kebimbangan itu, lebih 64 stesen mencapai markah 100% - bukti yang pelanggan adalah motivasi utama dan memenangi mereka dengan memberikan perhatian yang tidak berbelah bahagi adalah paling utama. Meneruskan usaha tersebut dan terus memberi ganjaran kepada stesen kita, kami telah melakukan kejutan kepada semua kakitangan cemerlang dengan menghantar trak makanan untuk menyampaikan makanan tempatan. Ganjaran ini diberikan kepada stesen yang mencapai 100% adalah komitmen untuk kerja-kerja keras dan dedikasi rakan niaga dan kakitangan stesen.

Bersambung....

Kata-kata Aluan dari Pengurus Besar



Mengakhiri 2016 dengan Cemerlang

Rakan Niaga Yang Dihargai,

Salam Sejahtera! Stesen-stesen Caltex telah dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti menarik pada 2016 yang dijangka akan meningkatkan momentum bersama beberapa inisiatif lain yang akan dilancarkan di seluruh rangkaian pada bulan-bulan akan datang. Ini termasuk, pemberian mata Kad JOURNEY untuk pembelian diesel, kerjasama dengan Giant untuk filem "Star Wars" yang akan datang dan pengenalan Diesel Euro 5 di stesen-stesen terpilih.

Dalam isu Retail Buzz ini, kita paparkan inisiatif untuk memberi ganjaran kepada CSR yang menumpukan usaha menyampaikan perkhidmatan pelanggan yang cemerlang seperti yang diukur melalui program Customer First. Rakan-rakan niaga kita adalah pamacu utama untuk berhubung dengan pelanggan.

Tahniah kepada rakan-rakan niaga yang mencapai skor 100% bagi Customer First (CF). Bilangan stesen yang mencapai 100 telah semakin meningkat daripada 64 stesen di Suku ke-2 ke 100 stesen dalam Suku ke-3.

Kepada stesen-stesen tersebut, nantikan pengumuman ganjaran Food Truck ke stesen anda untuk meraikan kejayaan kakitangan stesen.

Ketika kita memasuki ke suku terakhir 2016, sila berikan tumpuan kepada keselamatan, melaksanakan inisiatif dengan baik, jalankan program perkhidmatan pelanggan dengan tekun dan bina jualan sebagai satu pasukan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan "Selamat Diwali" kepada rakan-rakan beragama Hindu .

Sekian

Terima Kasih

Shahid

Program Insentif

Program Insentif Runcit S.T.A.R.S.



Dari muka depan....

Meneruskan insentif dan dorongan motivasi, kami melancarkan program insentif S.T.A.R.S bagi separuh ke-2 tahun ini di mana kami memberi ganjaran kepada kedua-dua rakan niaga dan juga CSRs. Ganjaran kewangan dan lima Anugerah Country Chairman akan dibentangkan pada akhir program ini. Empat daripada anugerah itu adalah untuk stesen yang memenangi Hadiah Utama dan akan ada satu pemenang untuk setiap kawasan; Tengah, Selatan, Utara dan Pantai Timur. Sebagai mengiktiraf sumbangan Branded Marketer kepada rangkaian, terdapat juga satu Anugerah Country Chairman untuk Branded Marketer dengan peratusan tertinggi stesen yang menang. Program ini juga akan mengiktiraf stesen yang berusaha bersungguh-sungguh dalam mencapai markah tertinggi seterusnya dengan Anugerah District Manager Emas, Perak dan Gangsa. 1 Emas, 2 Perak dan 3 Anugerah Gangsa akan dianugerahkan kepada stesen markah tertinggi seterusnya dalam setiap wilayah. Seterusnya ialah Insentif CSR di mana program ganjaran keraian itu berlangsung selama dua suku (Q3 & Q4 2016). Ia bertujuan untuk memberi ganjaran kepada CSR, juruwang dan tenaga kerja stesen atas sumbangan mereka terhadap prestasi stesen. Tempoh Program insentif ini adalah : 1 Julai 2016 hingga 31 Disember 2016 dan keputusan akan diumumkan pada 31 Oktober 2016 dan 31 Januari 2017. Pemenang akan ditentukan berdasarkan stesen yang mencapai 100% Customer First (CF) semasa Suku 3 dan Suku 4 2016. Hadiah kemenangan berupa penghantaran trak makanan kegemaran di stesen yang memenangi. Maklumat lanjut boleh didapati di pakej Program.

Aktiviti di Stesen

Aktiviti Kejiranan— Ulangtahun Stesen



Stesen Caltex AA&T di Pulau Pinang baru-baru ini menyambut ulang tahun ke-3 mereka. Apakah cara yang lebih baik untuk meraikan ulang tahun di stesen daripada melakukan program kemasyarakatan yang unik untuk Caltex "Turun Padang" dan berterima kasih kepada pelanggan atas kesetiaan dan sokongan mereka. Pameran yang menyeronokkan itu berlangsung pada 3 September 2016 selama lebih daripada empat jam dan antara aktiviti yang berlangsung termasuk persembahan badut untuk menghiburkan kanak-kanak, sudut hiasan inai, gerai foto, sesi cabutan bertuah, makan minum percuma, aktiviti Supa Strikas dan pemberian belon. Orang ramai turut dihiburkan oleh kugiran tempatan. Rakan Niaga juga mengambil peluang untuk mendaftar pelanggan untuk Kad Journey. Kerana setiap stesen adalah unik untuk kawasan perdagangan mereka, aktiviti geo-centric adalah cara yang penting dan lebih baik untuk berhubung dengan pelanggan tempatan. Tahniah kepada pasukan penganjur dan Selamat Ulang Tahun kepada AA & T. Anda mendapat acara di stesen anda, sila beritahu kami dan kami akan menampilkan ia pada masa akan datang.

Aktiviti di Stesen

Aktiviti Kejiranan - Pembukaan Semula



Scholfield baru-baru ini menganjurkan Hari Penghargaan di Stesen Minyak Haiza sempena pembukaan semula stesen selepas USTS pada 18 Ogos 2016. Acara ini bertujuan untuk menghargai semua sokongan daripada pelanggan, berkongsi rekabentuk stesen yang segar setelah selesainya USTS serta menawan dan memenangi kembali pelanggan. Promosi cabutan bertuah telah berjalan melibatkan Kad JOURNEY dan dengan pembelian bahan api. Selain itu, pembekal seperti Nestle, F & N, FW1 turut hadir dengan gerai mereka untuk memberikan sokongan kepada program ini.

Aktiviti di Stesen

Aktiviti Kejiranan - Promosi



Sejak pelancaran Caltex dengan Techron® yang Baharu dan Diperhebat dan promosi Havoline dengan francais filem X Men: Apocalypse, rakan-rakan niaga Johor mengambil kesempatan pelancaran dan promosi tersebut dengan berinteraksi secara aktif dengan pasaran tempatan. Dengan kehadiran Havoline X Men: Apocalypse dan Caltex Fun Truck di tapak, stesen yang mengambil bahagian berjaya mewujudkan suasana karnival yang dan menganjurkan aktiviti untuk melengkapkan kiosk Program Penebusan. Program ini bermula pada akhir April 2016, bertepatan dengan pelancaran seluruh negara Caltex dengan Techron® yang Baharu dan Diperhebat; dan promosi Havoline dengan francais filem X Men: Apocalypse. Setiap satu daripada stesen yang mengambil bahagian di seluruh negeri Johor mempunyai kiosk penebusan, menawarkan produk dan memaparkan gambar pelanggan yang menebus untuk menggalakkan pemegang Kad JOURNEY untuk menggunakan kad secara aktif di stesen. Keputusannya sangat baik kerana rakan niaga dapat melihat sambutan dari segi nilai ditebus dan jumlah MOGAS yang meningkat. Laporan terperinci 'conversion' Journey card menampakkan peningkatan dalam kadar 'conversion' BPoints sebanyak 2% - 5% dan nilai penebusan lebih daripada 40%. Pada fasa kedua, lebih banyak stesen mengambil bahagian dalam Program yang telah berjalan sehingga akhir bulan Julai 2016. Aktiviti telah disambung semula selepas sambutan Eidul Fitri dengan 8 "Turun Padang".

Insentif & Hadiah

Insentif Customer First P2



Lanjutan "Konsisten" & Friendly Challenge (KFC) untuk CSR dan program insentif juruwang telah berakhir secara rasmi pada 31 Mac 2016 (S1). Untuk Customer First suku ke-2, yang bermula pada bulan April dan berakhir pada bulan Jun, kita mempunyai 63 stesen dari rangkaian kita yang mencapai skor 100%. stesen tersebut terletak di Johor (10), Melaka (4) Negeri Sembilan (5), Kuala Lumpur & Selangor (17), Perak (14), Pulau Pinang (5) Kedah (2), Kelantan (2) dan Terengganu (2). Untuk menggembarakan mereka, mereka telah disajikan dengan masakan seperti Ayam Briyani, Kacang Pol, Chili Dog, Cheesy Wedges, minuman sejuk dan buah-buahan segar. Dilancarkan secara berperingkat-peringkat, perkhidmatan trak makanan dijangka tamat menjelang akhir Oktober sebelum kami mengumumkan gelombang kunjungan seterusnya.

Akan Datang



**Untuk Sebarang Pertanyaan Sila
Hubungi Kami Di emel :
askcaltexmy@chevron.com**

Salinan ini adalah untuk rujukan anda sahaja dan tidak boleh diedarkan tanpa pengetahuan terlebih dahulu daripada Chevron Malaysia Limited. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula dalam apa jua bentuk dengan salinan atau dengan cara elektronik atau mekanikal termasuk penyimpanan atau sistem dapatan semula, tanpa kebenaran bertulis daripada Chevron Malaysia Limited. Hak Cipta Terpelihara.

